

# Analisis Sistematis Terhadap Ayat-Ayat Ulul Albab dalam Al-Quran dan Pemetaan Model Pemikiran Ulul Albab

Ahmad Amri Zainal Adnan<sup>1\*</sup> & Muhammad Shaari Abdul Rahman<sup>2</sup>

Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA, a.amri@fpe.upsi.edu.my  
Tadabbur Centre Sdn. Bhd. MALAYSIA a.amri@fpe.upsi.edu.my

**Published:** 28 June 2022

**To cite this article (APA):** Zainal Adnan, A. A., & Abdul Rahman, M. S. (2022). Analisis Sistematis Terhadap Ayat-Ayat Ulul Albab dalam Al-Quran dan Pemetaan Model Pemikiran Ulul Albab. *Firdaus Journal*, 2(1), 76-84. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.1.7.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.1.7.2022>

## Abstrak

Kajian ini merupakan kajian eksploratori terhadap 16 ayat-ayat Ulul Albab di dalam Al-Quran bagi memetakan model berfikir Ulul Albab yang akan menjadi dasar kepada pembentukan generasi Ulul Albab pada masa hadapan. Ulul Albab adalah satu konsep khusus yang berasal dari Al-Quran, maka sumber rujukan utama pembentukan model pemikiran Ulul Albab juga adalah Al-Quran, Hadith, serta pandangan ulama, di samping kajian dan penulisan dari pemikir dan sarjana Muslim. Analisis sistematik terhadap teks Al-Quran dan sorotan literatur terhadap ulasan ulama tafsir serta tulisan para sarjana digunakan untuk memetakan tema-tema Ulul Albab ke dalam Model pemikiran Ulul Albab. Model pemikiran Ulul Albab yang dihasilkan mengintegrasikan enam cabang ilmu dan enam cara berfikir. Hasil sintesis kajian ini akan bermanfaat kepada pelaksana model Ulul Albab di sekolah dan institusi pendidikan tinggi serta dapat mengembangkan ilmu berkaitan Ulul Albab dalam pelbagai bidang khususnya pendidikan, pendidikan Islam dan psikologi.

**Kata kunci:** Ulul Albab, analisis sistematik, model, pemikiran, Al-Quran

## 1. Pendahuluan

Islam merupakan satu agama yang sangat menggalakkan umatnya berfikir. Terdapat ratusan ayat di dalam Al-Quran yang memperkatakan tentang aktiviti berfikir (Ishak & Wan Yusoff 2015). Antara ayat Al-Quran yang menggalakkan manusia berfikir adalah ayat ke-13 dalam surah al-Jasyiah, ayat kelapan dalam surah Ar-Rum, ayat ke-11 dalam surah An-Nahl, dan ayat ketiga dalam surah Ar-Ra'd. Pelbagai istilah digunakan dalam Al-Quran seperti tafakkur, tadabbur, tabassur, tawassum, nazar, i'tibar, tadhakkur, tafaqquh and ta'auqul yang menegaskan perihal berfikir (Endut & Wan Abdullah 2010; Ishak & Wan Yusoff 2015).

Perkataan berfikir dalam bahasa Arab adalah al-fikr, bermaksud aktiviti-aktiviti akal dalam mengenali, memahami dan menyelesaikan masalah secara logik dan rasional (Ismail et al. 2016). Konsep berfikir dari perspektif Islam dan Barat tiada banyak perbezaan dari segi operasional, tetapi berbeza pada matlamat akhir dalam berfikir (Abdullah et al. 2014). Matlamat berfikir dari perspektif Islam adalah untuk memikirkan tanda-tanda kewujudan dan kekuasaan

Tuhan (Endut & Wan Abdullah 2010). Makhluk lain tidak dipertanggungjawab untuk memikirkan hikmah di sebalik kejadian alam untuk mengenal Tuhannya sebagaimana manusia. Keupayaan otak untuk berfikir bagi manusia adalah sesuatu yang membezakan manusia dari makhluk lain.

Para sarjana memperihalkan golongan Ulul Albab sebagai mereka yang memiliki keutuhan aqidah dan kedalaman spiritual, memiliki komitmen terhadap akhlak mulia, serta memiliki kematangan profesional (Imtihanah 2016); serta pemilik intelek yang kukuh yang menyatukan pengetahuan ilmiah dan duniawi dengan nilai-nilai agama, pemikiran dengan zikir terhadap Allah, dengan tujuan duniawi dan akhirat, penaakulan berdasarkan wahyu Ilahi, profesionalisme dengan taqwa, dan tidak ditimpa penyakit-penyakit hati rohani (Hassan 2010). Golongan ini juga diistilahkan sebagai ulama ensiklopedik, mahir ilmu fardu ain dan fardu kifayah, serta ilmuwan Muslim yang mampu melihat yang tersirat di sebalik yang tersurat, serta dapat memahami hakikat di sebalik ayat-ayat Al-Quran (Mohd Arshad 2015).

Berdasarkan literatur pemikiran Islam di atas, didapati bahawa golongan Ulul Albab sinonim dengan aktiviti berfikir, tetapi apakah dapat dipetakan 16 ayat-ayat Ulul Albab di dalam Al-Quran agar dapat diaplikasikan secara holistik? Pemetaan ayat-ayat ini tentunya dapat membantu dalam melahirkan khalifah yang profesional dan bertaqwa sekaligus memecah kebuntuan pencarian 'umat pilihan' sebagaimana dalam surah Al-Quran (2:143; 3:110).

## **2. Tinjauan Literatur**

### **2.1 Konsep Ulul Albab**

Istilah 'Ulul Albab' berasal dari dua perkataan pokok iaitu 'ulu' (memiliki) dan 'albab' (akal yang bersih, hati) (Mohd Arshad 2015; Manaf et al. 2015). Perkataan albab merupakan kata jamak dari kata dasar 'lubb' atau 'lubbun' yang bererti akal (intelek) yang bersumber dari lubuk hati (Taib et al. 2016). Istilah 'Ulul Albab' dinyatakan dalam Al-Quran sebagai satu golongan manusia istimewa yang diberi hikmah, kebijaksanaan dan pengetahuan oleh Allah (Mohd Arshad 2015). Taib et al. (2016) menyatakan bahawa secara terminologinya golongan Ulul Albab adalah mereka yang berfikir dan bertindak berdasarkan kepada kesucian dan kemurnian suara hatinya yang mendalam.

Pelbagai pendapat diutarakan berkenaan definisi golongan Ulul Albab berteraskan ciri-ciri dalam Al-Quran. Ciri-ciri golongan Ulul Albab yang dinyatakan melalui 16 ayat di dalam Al-Quran adalah orang yang berakal fikiran dan bertaqwa (Al-Baqarah, 2:179; Al-Baqarah, 2:197), yang mengambil hikmah dari firman Allah (Al-Baqarah, 2:269), yang bersungguh-sungguh mencari ilmu (Ali-Imran, 3:7), yang sentiasa merenung dan memikirkan kejadian alam (Ali-Imran, 3:190-191; Az-Zumar, 39:21), yang sentiasa memilih kebaikan (Al-Maidah, 5:100), yang mengambil pengajaran dari sejarah umat terdahulu (Yusuf, 12:111), yang menginsafi dan beriman dengan kebenaran Al-Quran (Ar-Ra'd, 13:1922), yang menjadikan Al-Quran sebagai pengajaran dan peringatan tentang kebesaran Allah (Ibrahim, 14:52; Shaad, 28:29), yang diberi rahmat dengan kesabarannya (Shaad, 38: 43), yang mengerjakan qiamullail (ibadah malam) untuk mendapat rahmat Allah (Az-Zumar, 39:9), yang kritis mendengar dan memilih (Az-Zumar, 39:18), yang dikurniakan hidayah (Al-Ghafir, 40: 54), dan yang takut dengan azab Allah (At-Thalaq, 65:10) (Sharif 2009).

Berdasarkan ayat-ayat tersebut, pengkaji terdahulu mendefinisikan golongan Ulul Albab sebagai "golongan yang mempunyai asas yang kukuh dalam Al-Quran, ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati kejadian Tuhan melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar darinya" (Rahim et al. 2014); golongan yang "mengamalkan konsep zikir dan fikir, iaitu sentiasa berzikir dan mengagungkan Allah melalui pengamatan dan tafakur pada alam kejadian Allah bagi mengungkap rahsia setiap fenomena alam" (Taib et al.

2016); “generasi yang dibina atas gabungan atribut pemikiran rasional yang saintifik (intelektual) dan kepercayaan rohani dan takut kepada Allah yang kemudiannya menyebabkan mereka untuk mengamalkan kelakuan moral mereka demi mendapat berkat dari Allah” (Subirin et al. 2017).

Berteraskan 16 ayat-ayat Al-Quran ini juga ada pengkaji yang membahagikan ciri-ciri Ulul Albab kepada 3 komponen utama yang dinamakan sebagai Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik (Mohd Arshad, 2015). Quranik bermaksud seseorang yang menghafaz 30 juzuk Al-Quran serta memahami tuntutan Al-Quran iaitu bukan sahaja membaca dan mengingat, malah faham, berfikir, beramal dan menyebarkan kandungan Al-Quran. Ciri-ciri Quranik adalah mempunyai pengetahuan yang tinggi berkaitan ilmu Al-Quran seperti ketertiban bacaan, serta mengamalkan ajaran Al-Quran (Rahim et al. 2014; Rohaizan et al. 2014). Menurut Manaf dan Rahman (2017), komponen Quranik memfokus kepada dua kemahiran iaitu hafazan dan bahasa Arab. Ciri-ciri Ensiklopedik adalah berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, berkeupayaan untuk menguasai pelbagai cabang ilmu (multi-discipline) dan pelbagai bahasa (multi-lingual) serta menjadi rujukan dalam masyarakat (Rahim et al. 2014; Rohaizan et al. 2014). Dua kemahiran yang difokuskan dalam komponen Ensiklopedik adalah kemahiran menguasai pelbagai disiplin ilmu dan bahasa (Manaf & Rahman 2017). Ijtihadik bermaksud seseorang yang berkeupayaan memberikan pandangan dalam menyelesaikan masalah umat berasaskan Al-Quran, memaksimumkan keupayaan kognitif serta penggunaan teknologi untuk menguasai kebijaksanaan agama dan sains (Rahim et al. 2014; Rohaizan et al. 2014). Kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif adalah fokus dalam komponen Ijtihadik (Manaf & Rahman 2017).

Tiga komponen Ulul Albab ini pada asalnya difokuskan untuk kurikulum di peringkat sekolah, dengan komponen Quranik sebagai tonggakunya (Manaf & Rahman 2017). Model Ulul Albab meletakkan pendekatan pendidikan menggunakan Al-Quran sebagai sumber bagi memahami sesuatu fenomena alam dan keberkesanan model Ulul Albab boleh dilihat dari pelbagai perspektif iaitu kemahiran, minat, motivasi, sahsiah dan kemenjadian pelajar (Abdul Majid 2017). Namun, secara mikronya, kaedah berfikir Ulul Albab secara spesifik tidak dihuraikan dengan terperinci. Justeru, ia adalah suatu yang wajar diterokai dan dimodelkan.

## 2.2 Pemikiran Ulul Albab

Menurut Wan Ramli & Ab Majid (2005), tiga perkara utama dalam pemikiran Islam adalah akal, sumber iaitu Al-Quran dan hadith, serta ilmu yang terdiri daripada ilmu ketuhanan, ilmu keinsanan dan ilmu alam. Pengkaji tidak akan menghuraikan secara terperinci tentang konsep akal dan sumber pemikiran Islam, tetapi hanya akan memfokus kepada fungsi akal iaitu berfikir dan jenis-jenis pemikiran bagi membangunkan model pemikiran Ulul Albab. Berdasarkan penelitian para ulama dan sarjana Muslim, Al-Quran membentuk pemikiran manusia yang rasional, beriman kepada bukti, menolak khurafat, mengingkari taklid kepada nenek-moyang, pemimpin dan tokoh tertentu (Al-Qaradawi 2015) yang digelar sebagai golongan Ulul Albab. Firman Allah SWT di dalam Al-Quran yang bermaksud:

*“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu akan ditanya.”* (Al-Quran, 17:36)

Dalam kitab beliau Thaqafah Al-Da’iyyah, Al-Qaradawi mencadangkan enam cabang ilmu yang perlu dikuasai oleh umat Islam pada hari ini, iaitu ilmu agama, ilmu sejarah, ilmu bahasa, ilmu kemanusiaan, ilmu sains dan ilmu semasa (Abdul Jamil 2020). Menurut Abdul Jamil (2020), ilmu agama merangkumi pengetahuan mengenai Al-Quran, Al-Sunnah, fiqh, aqidah, tasawwuf dan sistem-sistem dalam Islam. Ilmu berkaitan sejarah disarankan untuk kegunaan sebagai hujah kepada golongan yang tidak beriman kepada Al-Quran dan Al-Sunnah. Sejarah juga dipelajari sebagai pengajaran agar umat Islam tidak mengulangi kesilapan-kesilapan yang pernah

dilakukan dalam lipatan sejarah, baik dalam sejarah umat Islam mahupun bukan Islam. Ilmu bahasa pula perlu dikuasai, khususnya bahawa Arab kerana bahasa adalah kunci kepada khazanah ilmu. Ilmu kemanusiaan atau sains tingkah laku merangkumi pengetahuan dalam bidang psikologi, sosiologi, dan akhlak (adab dan etika). Ia diperlukan untuk memahami tabiat manusia dan 'memasarkan' Islam secara efektif. Ilmu sains adalah penting bagi menghadapi perubahan zaman di era sains dan teknologi, sementara ilmu semasa (kontemporari) digunakan untuk memahami realiti umat Islam pada hari ini. Ilmu kontemporari adalah yang sentiasa berkembang dengan peredaran masa seperti ilmu pengurusan, pemasaran dan keusahawanan.

Menurut Al-Qaradawi (2015) lagi, enam jenis pemikiran yang sepatutnya dimiliki oleh setiap Muslim berdasarkan roh Al-Quran adalah pemikiran ilmiah (saintifik), pemikiran realistik, pemikiran salafi, pemikiran perubahan, pemikiran kesederhanaan dan pemikiran futuristik. Pemikiran ilmiah atau saintifik adalah cara berfikir yang berasaskan dalil yang kuat. Ciri-ciri berfikir secara saintifik adalah tidak bias kepada mana-mana sumber informasi, menghormati kepakaran yang ahli dalam bidangnya, mampu mengakui kesilapan diri, berupaya memanfaatkan pengalaman semua pihak, mengkaji dan berlapang dada terhadap hasil kajian, tidak terburu-buru menghukum melainkan setelah dilakukan kajian yang teliti, serta menghormati perbezaan pandangan atau tafsiran selagi disertai dalil dalam suasana yang bertoleransi dan saling mencintai. Dua ayat Ulul Albab yang berkait dengan pemikiran saintifik adalah Ali-Imran ayat ke-190 dan Az-Zumar ayat ke-21.

Kedua-dua ayat di atas menjelaskan perihal kejadian alam, kitaran siang dan malam, serta kitaran air yang menghidupkan tumbuh-tumbuhan sebagai analogi kepada kehidupan di dunia. Kedua-dua ayat tersebut mengukuhkan iman golongan yang berfikir dan mengambil peringatan dari fenomena alam. Mereka memahami proses alam sebagai tanda-tanda kebesaran Allah SWT. Ayat tersebut juga mengajar manusia berfikir secara sistematis melalui proses pemerhatian, analisis, sintesis dan membuat kesimpulan. Kaedah berfikir ini digunakan dalam ilmu sains tulen dan matematik.

Pemikiran realistik adalah cara berfikir yang selari dengan realiti semasa. Maksud realistik oleh Al-Qaradawi (2015) adalah bersesuaian antara keupayaan seseorang atau organisasi dengan apa yang hendak dicapai. Al-Quran juga menekankan tentang perkara ini melalui ayat ke-66 surah Al-Anfal. Berfikir secara realistik juga dapat mengelakkan diri dari melakukan kesilapan apabila melaksanakan perancangan, iaitu dengan menganalisis secara terperinci kekuatan dan kelemahan, serta ancaman dan peluang. Dua ayat Ulul Albab yang berkait dengan kaedah pemikiran ini adalah Al-Maaidah ayat ke-100 dan Ar-Ra'd ayat ke-19.

Ayat ke-100 surah Al-Maaidah membezakan antara perkara yang baik dan yang buruk serta keutamaan memilih perkara yang lebih baik. Golongan Ulul Albab sentiasa berfikir dan sedar bahawa segala-gala yang dilakukannya diperhatikan Allah (puncak Taqwa) sehingga dengannya dapat mengelakkan kemudharatan. Ayat ke-19 surah Ar-Ra'd pula mengaitkan berfikir dan kebersihan jiwa. Jiwa yang takut kepada Allah untuk bermaksiat dapat mengambil pengajaran dan menerima kebenaran. Kedua-dua teknik berfikir yang terkandung dalam dua ayat di atas amat sinonim dengan ilmu sains tingkah laku seperti psikologi dan sosiologi.

Jenis pemikiran ketiga yang dicadangkan oleh Al-Qaradawi (2015) adalah pemikiran salafi, iaitu cara berfikir berdasarkan contoh yang ditunjukkan oleh para sahabat Nabi S.A.W. Antara ciri-ciri pemikiran ini adalah mengambil Al-Quran dan As-Sunnah sebagai sumber rujukan utama apabila membuat keputusan, menganjurkan pembaharuan (ijtihad) dan menjauhi ketaksuban (taklid), memudahkan (taisir) dan tidak menyukarkan (ta'sir) urusan. Menolak ijtihad adalah punca kepada kemunduran umat Islam berbanding masyarakat Barat (Ismail et al. 2016). Manakala bertaklid pula adalah sikap manusia yang bertentangan dengan golongan Ulul Albab, iaitu yang berfikir secara matang dan menilai berdasarkan dalil dan fakta. Zainal Abidin (2012) mengingatkan tentang sesetengah orang yang menerima secara bulat apa sahaja yang keluar dari mulut agamawan tanpa berani mempersoalkan kebenaran fakta dan dalil yang digunakan yang akhirnya menyebabkan kesesatan dalam masyarakat. Pemikiran ini selari dengan minda

logikal yang mempersoal fakta sedia ada, mencari bukti bagi menyokong sesuatu premis, dan menggunakan kaedah sistematik bagi menyelesaikan masalah (Hakim 2014).

Sebahagian besar ayat-ayat Ulul Albab adalah selari dengan pemikiran Salafi kerana agama bukan sesuatu yang membodohkan manusia, malah menggalakkan manusia berfikir. Tujuh ayat Ulul Albab yang berkait adalah Al-Baqarah ayat ke-179, ayat ke-197, ayat ke-269; Ali-Imran ayat ketujuh; Ibrahim ayat ke-52; Az-Zumar ayat kesembilan dan Al-Ghaafir ayat ke-54. Kesemua 7 ayat yang disebutkan berkisar tema aqidah dan ibadah serta pengajaran yang dapat diperolehi bagi golongan yang memikirkan hikmah di sebalik pensyariatkan sesuatu hukum. Ilmu agama menjadi tunjang kepada cara berfikir ini.

Pemikiran salafi turut menjadi asas kepada jenis pemikiran keempat, iaitu pemikiran perubahan. Pemikiran perubahan menekankan kepentingan berjihad dan menolak bertaklid. Ijtihad boleh disinonimkan dengan konsep inovasi. Nabi Muhammad S.A.W. banyak menunjukkan sifat kreatif dan inovatif dalam usaha dakwah baginda dengan memberi penyelesaian kepada persoalan semasa mengikut kesesuaian (Sulaiman et al. 2015). Pembaharuan tidak bermaksud menghilangkan atau menggantikan dengan sesuatu yang baharu, tetapi adalah memelihara bentuknya yang asli, bahkan menyempurnakannya. Menurut Al-Qaradawi (2015), pembaharuan adalah sesuatu yang disyariatkan dalam Islam berdasarkan hadith Nabi Muhammad S.A.W. yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Al-Hakim: "Sesungguhnya Allah Taala mengutus bagi umat ini pada tiap-tiap puncak seratus tahun, seseorang yang memperbaharui agama bagi (kebaikan) mereka." Bertaklid pula dilarang di dalam Al-Quran berdasarkan ayat ke-104 surah Al-Maidah (mengikut tanpa dalil yang kuat), ayat ke-6 surah Al-Hujurat (menerima berita tanpa menyelidiki kesahihan) dan ayat ke-64 surah An-Naml (membawa bukti bagi menyokong hujah) (Mohd Zhaffar et al. 2016).


Tiga ayat Ulul Albab menjadi nadi kepada pemikiran perubahan iaitu Yusuf ayat ke-111, Saad ayat ke-29 dan ayat ke-43. Ketiga-tiga ayat adalah pengajaran daripada kisah-kisah para Nabi. Pengajaran dan peringatan daripada kisah sejarah dapat memberi keinsafan, memberi motivasi, dan meningkatkan ketaqwaan bagi golongan yang berfikir secara mendalam dan mengambil iktibar. Ilmu sejarah dan seni merupakan alat untuk membawa pemikiran perubahan.

Pemikiran kelima yang disarankan oleh Al-Qaradawi (2015) merupakan cara berfikir yang wasathiah atau bersederhana. Pada dasarnya syariat Islam adalah untuk memudahkan, menghilangkan beban dan berkasih-sayang sesama manusia. Asas ini menjadikan Islam sebagai agama rahmah dan tidak membebankan umatnya dalam urusan dunia. Menurut Al-Qaradawi lagi, manusia tidak wajar dibataskan pilihan kepada hitam dan putih sahaja (falasi hitam-putih), sedangkan di antara keduanya ada pelbagai alternatif lain. Ayat Ulul Albab yang berkait dengan pemikiran wasathiyah adalah Az-Zumar ayat ke-18. Ayat ini memfokuskan kaedah mendengar dengan teliti dan membuat pilihan selari dengan kehendak agama. Ayat ini mengajar dua perkara. Pertama, mendengar sesuatu ucapan dengan kritis, tidak terus mempercayai atau menafikan. Kedua, tidak tergesa-gesa membuat kesimpulan sehingga memperolehi data atau maklumat yang cukup. Kaedah berfikir ini bersesuaian dengan ilmu bahasa dan komunikasi.

Pemikiran futuristik pula adalah untuk mempersiapkan umat Islam bagi menghadapi masa hadapan. Cara berfikir yang futuristik menitik berat perancangan jangka panjang dan strategik. Hal ini dinyatakan melalui firman Allah S.W.T. dalam ayat ke-60 surah Al-Anfal agar umat Islam mempersiapkan diri bagi menghadapi musuh-musuhnya. Ayat Ulul Albab yang berkait dengan pemikiran futuristik adalah Al-Thalaq ayat kesepuluh. Menurut Ibn Kathir, ayat lapan hingga ke-11 dari surah Al-Thalaq memperincikan peraturan-peraturan yang diturunkan kepada Nabi untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Berfikir untuk jangka panjang dan implikasi pilihan yang dibuat dapat menghindarkan daripada kesilapan akibat mengikut emosi, melampaui batas, memusnahkan keharmonian dan dosa. Cara berfikir ini diaplikasikan dalam ilmu pengurusan, pemasaran dan keusahawanan.

### 3. Hasil dan Perbincangan

Berdasarkan literatur terdahulu, pengkaji mensintesis model pemikiran yang merangkumi aspek cara berfikir dan ilmu yang perlu dikuasai oleh seorang muslim sebagaimana disarankan oleh para ulama berdasarkan tuntutan Al-Quran. Rajah 1 di bawah merupakan model pemikiran Ulul Albab yang telah diadaptasi dari Adnan (2021) dan dipetakan dengan 16 ayat Ulul Albab sebagai asas untuk pembangunan generasi ulul albab berasaskan pemikiran Islam dan ilmu-ilmu yang berkaitan. Kesemua 16 ayat Ulul Albab telah disesuaikan dengan mengambil konteks ia diturunkan serta perkaitan dengan ayat-ayat sebelum dan selepasnya.



**Rajah 1.** Pemetaan Ayat Ulul Albab dan Model Pemikiran Ulul Albab yang diadaptasi dari Adnan et al. (2021).

Berdasarkan Rajah 1 di atas, majoriti ayat (tujuh daripada 16) diletakkan di bawah ilmu agama dan cara berfikir Salafiyyah atau Salafi kerana ilmu agama dan pemikiran Salafi adalah tonggak keseluruhan model. Pandangan dunia Islam tidak memisahkan agama dari kehidupan manusia, kerana ia adalah cara hidup yang holistik. Kesemua enam jenis ilmu pengetahuan dan enam jenis pemikiran dalam model menggabungkan aspek ajaran Islam yang terkandung dalam Al-Quran.

Pemikiran wasathiah atau kesederhanaan dihubungkan dengan ilmu bahasa dan komunikasi. Ayat ke-18 surah Az-Zumar yang memberikan penekanan terhadap kaedah mendengar dengan teliti dan memproses informasi secara adil, secara tidak langsung membimbing orang beriman agar menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang menjerumuskan mereka kepada perkara 'tughyan'. Kata terbitan 'tughyanan' ini diterjemahkan sebagai melampaui batas, kezaliman dan kekafiran yang melampau. Maka, melalui ilmu bahasa dan komunikasi juga dapat membawa manusia menjadi umat wasathiah (tidak melampau dan zalim).

Ilmu Sejarah dapat menerangkan mengapa manusia berkelakuan dengan cara tertentu. Pemerhatian tingkah laku manusia sepanjang sejarah kemudian diterjemahkan sebagai idea, konsep dan teori. Dalam erti kata lain, manusia berevolusi berpandukan pengalaman dan pengajaran sejarah silam. Golongan Ulul Albab adalah yang mengambil pengajaran dan

peringatan dari sejarah para Nabi. Pemikiran pembaharuan memfokus kepada penambahbaikan (inovasi) daripada apa yang telah ada dengan mempersoal sesuatu yang tingkah laku secara kritis. Islam melarang manusia untuk menerima secara buta (taklid) kepercayaan yang diwarisi daripada pihak terdahulu tanpa memikirkannya secara kritis (Endut & Wan Abdullah 2010). Tiga ayat Ulul Albab di bawah pemikiran pembaharuan menjadikan kisah para Nabi sebagai kaedah untuk menjentik aqal manusia supaya berfikir dan merenung implikasi sesuatu tindakan.

Pemikiran realistik dan ilmu kemanusiaan digabungkan di bawah kluster yang sama kerana keduanya berlegar tentang pembuatan keputusan berdasarkan nilai kemanusiaan. Kedua-dua ayat Ulul Albab yang diletakkan bersama kluster ini menjelaskan prinsip dalam pembuatan keputusan dengan meletakkan takut kepada Allah SWT sebagai asas. Manusia tidak boleh berfikir terlalu idealistic sehingga mengabaikan realiti di dalam masyarakat dan realiti apa yang bakal dihadapi di akhirat.

Ilmu-ilmu kontemporari pula adalah ilmu yang sentiasa berkembang seperti pengurusan, pemasaran dan strategi, dimana perubahan zaman akan mempengaruhi perkembangan ilmu tersebut. Maka ilmu-ilmu ini dipasangkan dengan pemikiran futuristik yang memerlukan seseorang berfikir ke hadapan. Ayat ke-10 surah Al-Thalaq menyeru orang beriman supaya berfikir secara jangka panjang, bahkan sehingga ke alam akhirat (tentang azab yang menunggu di sana). Surah al-Thalaq bertemakan mengurus kemarahan dan kebencian agar tindakan seseorang tidak menghasilkan implikasi negatif di dunia dan akhirat.

Akhir sekali, ilmu sains dan matematik diletakkan di bawah pemikiran saintifik. Fokus pemikiran ini ialah memaksimumkan kemampuan kognitif (kemahiran berfikir kreatif dan inovatif), menggunakan teknologi untuk menguasai agama dan ilmu saintifik bagi menyelesaikan masalah (Rahim et al. 2014; Rohaizan et al. 2014; Manaf & Rahman 2017). Bidang seperti biologi, fizik, kimia, matematik dan kejuruteraan adalah cabang ilmu sains tulen yang memerlukan manusia berfikir secara sistematik. Dua ayat Ulul Albab yang berada di bawah pemikiran saintifik turut menuntut manusia berfikir secara mendalam dan sistematik menerusi pencerapan terhadap fenomena alam.

#### **4. Kesimpulan**

Kajian ini memfokus kepada pemetaan ayat-ayat Ulul Albab kepada model pemikiran Ulul Albab melalui analisa sistematik terhadap ayat Al-Quran dan tafsiran para ulama. Pemetaan ini penting agar model Ulul Albab sedia ada yang diterapkan di institusi-institusi pendidikan dapat mengambil manfaat daripadanya. Kerajaan Malaysia mensasarkan golongan Ulul Albab akan menjadi tonggak kekuatan masyarakat Islam menjelang tahun 2050 dengan penguasaan ilmu agama dan sains melalui sekolah-sekolah yang berorientasikan model Ulul Albab. Namun, matlamat akhir penerapan model Ulul Albab pasti tidak kesampaian jika graduan yang keluar dari institusi pengajian gagal menguasai cara berfikir dan ilmu yang diperlukan untuk menggalas tanggungjawab sebagai khalifah di dalam masyarakat kelak. Ini kerana golongan Ulul Albab bukan sahaja golongan yang mampu menghafal Al-Quran dan tahu ilmu agama, mereka juga perlu mampu berfikir dengan sistematik dan bertindak secara realistik.

## Rujukan

- Abdul Jamil, H. 2020. Seni Berfikir yang Hilang. Iman Publication.
- Abu Sulayman, Abdul Hamid. 1991. Crisis of the Muslim Mind. Herndon, Virginia, U.S.A.: IIIT Publications.
- Adnan, A.A.Z., Abdul Rahman, M.H., Kasan, H. & Mohd Yaakob, M.F. 2021. The Ulul Albab Thinking Model for Student Development in Institutions of Higher Education. Turkish Journal of Computer & Mathematics Education 12(3): 469- 475.
- Al-Ghazali. 2005. Ihya' 'Ulum al-Din. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2015. Fiqh Keutamaan. Bandar Baru Bangi: Syabab Publishing.
- Al-Qaradawi, Yusuf 2001. Al-'aql wa al-'ilm fi al-Qur'an al-Karim. Bayrūt: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Quran. 1995. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Kuala Lumpur: Jabatan Kamajuan Islam Malaysia.
- Ismail, A., Latiff, L. A., Mat Yacob, S. N. B., Muda, F. L., & Eldin Kandil, H.M.T. 2016. The Islamic Perspective on Thinking and Innovative Culture as Exemplified by the Works of Renowned Muslim Scholars. Jurnal Sains Insani 1: 22-25.
- Mohd Arshad, A. 2015. Ulasan sistematik: program Ulul Albab dalam system pendidikan di Malaysia. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik 3(4): 22-35.
- Azhar, A. 2017. Scientific thinking in Islamic thought: concept and its importance. International Journal of Nusantara Islam 5(1): 13-22.
- Abdullah, C.A., Harun, H., Ismail, S. & Hamzah, R. 2014. Islamic Perspective on Teaching Thinking Skills. World Conference on Islamic Thought and Civilization WCIT 2014 (August). Dalhat, Y. 2015. The Concept of al-AQL (Reason) in Islam. International Journal of Humanities and Social Science 5, 9(1): 77-83.
- Rahim, F., Iksan, Z., Othman, O., Wan Abdullah, W.N., Syeikh Abdullah, Norhana Arsad, S.N.H. et al., 2014. The Online Journal of Islamic Education (SP): 1-12.
- Hasan, M.K. 1996. Toward Actualizing Islamic Ethical And Educational Principles In Malaysia, Kuala Lumpur: ABIM.
- Abdul Majid, H. 2017. Ke arah menghasilkan pemimpin dunia berlandaskan pemandangan dunia Al Quran, Ensiklopedik dan Ijtihadik untuk menjadi ejen perubahan. Jurnal Qalbu 3(2): 24-60.
- Ibn Qayyim al-Jawziyah. 2010. Miftah Dar al-Sa'adah. Makkah: Dar Alim al-Fawa'id.
- Imtihanah, Anis Hidayatul. 2016. Sosok Ulul Albab dalam dinamisasi hukum Islam. Jurnal Studi Agama 3(2): 184-198.
- Ishak, M. S. & Wan Yusoff, W.M. 2015. Thinking from the Qur'anic perspective. Al-Shajarah 20(1): 53-85.
- Mohamad, M. 1991. Malaysia: The Way Forward. Kuala Lumpur, Malaysia: Center for Economic Research and Service, Malaysian Business Council.
- Malik Badri. 2000. Contemplation: An Islamic psychospiritual study. Kuala Lumpur: Madeena Books.
- Zainal Abidin, M. A. 2012. Mengemudi Bahtera Perubahan Minda. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Endut, M. N. A. A. & Wan Abdullah, W. S. 2010. Toward the conceptual definition of Islamic critical thinking. Retrieved from <http://eprints.utp.edu.my/10128/1/COME%20Critical%20Thinking%20Paper.pdf>
- Taib, M. R. 2016. Reka Bentuk Model Kepimpinan Ulul Albab Maktab Rendah Sains MARA. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hakim, M. A. 2014. 8 Kecerdasan Membentuk Muslim Superior. Batu Caves: PTS Millennia Publication



- Subirin, N. A., Alwi, N. H., Fakhrudin, F. M., Manaf, U. K. A., Salim, S. S. 2017. Ulul Albab Generation: Roles of Ulul Albab Teachers in Malaysian Selected School, *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7 (SP): 1022-1032.
- Mohd Zhaffar, N., Hamzah, M.I., Abd Razak, K. & Wan Abdullah, W.A.A. 2016. The Concept of Critical Thinking from the perspective of Islamic Education Teachers. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 10(11) Special: 281-286.
- Rahman, M. Y. H., Sauri, H. S., Halim, Z. A. M. Z., Hassan, P., & Yusri, Y. S. M. 2017. Aplikasi pemikiran Islam dalam pendidikan sains. *Global Journal Al-Thaqafah*, 7(1), 79-89. <https://doi.org/10.7187/gjat12920170701>
- Mohamad Sharif, S. 2009. *Generasi Ulul Albab: Segunung Harapan Seteguh Gagasan*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Shogar, I. A. 2011. The Scientific Thinking in Islam: Factors of Flourishing and Decline. *Revelation and Science* 1(2): 1-13.
- Sulaiman, A., Mohd Zarif, M. M., Mohd Nizah, M. A., Atoma, P., Ismail, A., & Kandil, H. M. T. E. 2015. Creativity and innovation in Islam: It's necessity in Islamic education. *Social Sciences* 10(1): 61-66.
- Manaf, U.K.A., Alias, N. F. & Azman, A.H.N. 2015. Academic Expectations of MARA Stakeholders on the Ulul Albab Curriculum at a MARA Junior Science College. *Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching* 3(1): 47-59.
- Wan Ramli, W.A. & Ab Majid, M.K. 2005. Pemikiran Islam: suatu analisis konseptual kontemporari. *Jurnal Usuluddin* 22 (SP): 1-26.